

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA
TAHUN 2023**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2023 akan dilaksanakan pada **2, 3 dan 4 Januari 2024** serta **8 hingga 11 Januari 2024**. Seramai **4,058 orang calon** telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan STAM Tahun 2023 di **131 buah pusat peperiksaan** seluruh negara. Bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan, seramai **824 orang petugas peperiksaan** telah dilantik.

KPM ingin mengingatkan semua calon peperiksaan STAM Tahun 2023 agar merujuk jadual waktu peperiksaan bagi mendapatkan maklumat mengenai tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan, serta arahan yang perlu dipatuhi sepanjang peperiksaan berlangsung. Jadual waktu peperiksaan boleh dimuat turun dari laman sesawang Lembaga Peperiksaan (LP) melalui pautan lp.moe.gov.my.

Calon diingatkan supaya membawa **dokumen pengenalan diri** dan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** ke pusat peperiksaan. Calon juga hendaklah mematuhi prosedur operasi standard dan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan kelancaran pengurusan pengendalian peperiksaan STAM Tahun 2023.

KPM cakna dengan keselamatan dan kebajikan calon serta semua petugas peperiksaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan bencana termasuk musim banjir sepanjang peperiksaan STAM Tahun 2023 berlangsung. KPM sentiasa siap siaga dengan mekanisme dan langkah persediaan sewajarnya termasuk bekerjasama dengan agensi kerajaan lain yang berkaitan.

Semua calon peperiksaan STAM Tahun 2023 dinasihatkan untuk memaklumkan kepada pihak sekolah atau jabatan pendidikan negeri (JPN) dengan segera sekiranya tidak dapat hadir di pusat peperiksaan yang telah ditetapkan atau mana-mana pusat peperiksaan berhampiran disebabkan oleh bencana. Calon juga boleh menghubungi talian bilik gerakan peperiksaan yang disediakan di ibu pejabat LP dan JPN di seluruh negara.

KPM komited untuk melakukan yang terbaik bagi memastikan peperiksaan STAM Tahun 2023 dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur. KPM juga mendoakan agar semua calon dapat menduduki peperiksaan dalam keadaan sihat, selamat dan sejahtera.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
22 DISEMBER 2023**

**BILIK GERAKAN LEMBAGA PEPERIKSAAN
DAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI**

NEGERI	BILIK GERAKAN	NOMBOR TELEFON
WP Putrajaya	Lembaga Peperiksaan	03-8889 3520
		03-8889 3551
		03-8889 3601
Perak	SPP Perak	05-527 3617
Selangor	SPP Selangor	03-5518 6121
Pahang	SPP Pahang	09-571 5736
Kelantan	SPP Kelantan	09-744 1411
Sabah	SPP Sabah	08-831 8194
Johor	SPP Johor	07-231 0049
Kedah	SPP Kedah	04-740 4241
Melaka	SPP Melaka	06-232 4241
Negeri Sembilan	SPP Negeri Sembilan	06-765 3327
Pulau Pinang	SPP Pulau Pinang	04-263 1472
Perlis	SPP Perlis	04-973 7770
Sarawak	SPP Sarawak	082-473520
Terengganu	SPP Terengganu	09-621 3357
WP Kuala Lumpur	SPP Kuala Lumpur	03-6204 6184